


Sudut Uji Diri

A Jawab soalan berikut.


1. Rajah 1 menunjukkan termometer yang digunakan untuk mengukur suhu air.



Rajah 1

- (a) Apakah kesilapan yang dibuat semasa mengambil bacaan suhu air di atas?

- (b) Rajah 2 menunjukkan tiga kedudukan yang berbeza semasa mengambil bacaan pada termometer.



Rajah 2

Antara A, B dan C, kedudukan manakah yang memberikan bacaan yang tepat?

- (c) Baca pernyataan di bawah.


Merkuri digunakan dalam termometer makmal untuk mengukur suhu.

- (i) Bagaimanakah merkuri berfungsi untuk mengukur suhu? **KBAT** Menganalisis

- (ii) Mengapakah air tidak boleh digunakan untuk menggantikan merkuri di dalam termometer?

2. Rajah 3 menunjukkan susunan radas bagi satu penyiasatan.

5



Rajah 3

(a) Selepas 15 minit, terdapat perubahan yang berlaku dalam penyiasatan di atas.

(i) Nyatakan pemerhatian kamu selepas 15 minit.

(ii) Berikan inferens bagi pemerhatian kamu di 2(a)(i).

(iii) Apakah kesimpulan yang boleh dibuat bagi penyiasatan ini?



Rajah 4

(b) Sebiji belon yang dipasang pada kelalang kon kosong dipanaskan seperti dalam Rajah 4.

(i) Apakah yang dapat diperhatikan kamu selepas penunu Bunsen dihidupkan?

(ii) Jelaskan pemerhatian kamu di 2(b)(i).

3. Azim dan Alia bersarapan dengan air coklat yang disediakan oleh ibu mereka.

2



Minuman Azim



Minuman Alia


Rajah 5

- (a) Pada pendapat kamu, air siapakah yang lebih cepat sejuk?

- (b) Berikan inferens bagi pendapat kamu di 3(a).

4. Aiman mendapati terdapat ruang kecil pada sambungan di antara landasan kereta api yang dinaikinya.

3



Rajah 6

- (a) Apakah tujuan ruang kecil itu diwujudkan pada landasan kereta api?

- (b) Bagaimanakah ruang kecil itu dapat menjamin keselamatan kereta api dan penumpang?

- (c) Nyatakan satu contoh lain yang menggunakan aplikasi pengecutan dan pengembangan seperti landasan kereta api.